

Sel. P.U. 44.

ENAKMEN LEMBAGA URUS AIR SELANGOR 1999

PERATURAN-PERATURAN NAVIGASI JALAN AIR PEDALAMAN
(NEGERI SELANGOR) 2012

—————
SUSUNAN PERATURAN
—————

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Peraturan

1. Nama dan pemakaian
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

KUASA LEMBAGA

3. Kuasa Lembaga terhadap aktiviti Navigasi Jalan Air Pedalaman di mana-mana jalan air pedalaman

BAHAGIAN III

TRAFIK NAVIGASI JALAN AIR PEDALAMAN

4. Laluan layar selamat
5. Operasi Feri
6. Keperluan mengurangkan had laju
7. Vesel di dalam keadaan bahaya atau tidak selamat
8. Larangan menunda vesel lain dalam satu barisan atau bersebelahan
9. Vesel hendaklah digerakkan oleh orang yang berkelayakan
10. Barangan tidak dibenarkan dimasukkan atau dikeluarkan ke dalam atau dari vesel tanpa kebenaran
11. Had laju
12. Pergerakan trafik
13. Isyarat kecemasan
14. Isyarat darjah penglihatan semasa cuaca buruk
15. Vesel yang belayar dan vesel yang dinavigasikan oleh pengayuh
16. Keselamatan vesel

Peraturan

17. Kerosakan akibat ombak
18. Halangan

BAHAGIAN IV

BERLABUH DAN BERTAMBAT

19. Berlabuh
20. Kehilangan sauh
21. Menurunkan barangan dan penumpang
22. Pengendalian selamat vesel
23. Tanggungjawab Master
24. Lampu dan isyarat
25. Kawalan kawasan berlabuh, jeti dsb.
26. Abstraksi air mentah
27. Larangan meletakkan halangan di antara laluan layar dan vesel

BAHAGIAN V

PENDAFTARAN VESEL

28. Keperluan pendaftaran
29. Pendaftaran

BAHAGIAN VI

LESEN NAVIGASI JALAN AIR PEDALAMAN

30. Permohonan dan pengeluaran lesen
31. Syarat kelulusan
32. Fi tidak boleh dikembalikan

BAHAGIAN VII

PENUMPANG

33. Lesen membawa penumpang
34. Vesel penumpang

BAHAGIAN VIII
VESEL HILANG ATAU KARAM

Peraturan

35. Vesel hilang atau karam di dalam jalan air pedalaman
36. Pemberitahuan mengalih atau mengapungkan vesel
37. Pemberitahuan kepada orang awam

BAHAGIAN IX
PEMBUANGAN SAMPAH ATAU PELEPASAN BAHAN PENCEMAR DARI VESEL

38. Tanggungjawab pemilik atau Master vesel
39. Larangan pembuangan atau pelepasan
40. Tumpahan atau pelepasan secara tidak sengaja
41. Larangan untuk menyelenggara vesel

BAHAGIAN X
PENGUATKUASAAN

42. Kuasa am
43. Kuasa untuk masuk dan memeriksa
44. Penyitaan
45. Pelucuthakkan
46. Pelucuthakkan jika ada pendakwaan
47. Pelucuthakkan jika tiada pendakwaan
48. Tiada kos atau ganti rugi berbangkit daripada penyitaan boleh didapatkan
49. Kuasa mengalih dan melupus

BAHAGIAN XI
AM

50. Pendakwaan
51. Pengkompaunan Kesalahan
52. Penalti am

JADUAL

ENAKMEN LEMBAGA URUS AIR SELANGOR 1999

PERATURAN-PERATURAN NAVIGASI JALAN AIR PEDALAMAN
(SELANGOR) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 127, 96 dan 97 Enakmen Lembaga Urus Air Selangor 1999 [*En. No. 2/1999*], Lembaga dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama dan pemakaian

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Navigasi Jalan Air Pedalaman (Negeri Selangor) 2012**.

(2) Peraturan-Peraturan ini hendaklah terpakai bagi navigasi di atas mana-mana tasik, tanah perairan, terusan atau sungai selain daripada kawasan had pelabuhan yang diisytiharkan dalam *Warta* oleh Menteri di bawah *Merchant Shipping Ordinance 1952* [*Ordinan 70/1952*].

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Enakmen” ertinya Enakmen Lembaga Urus Air Selangor 1999 [*En. No. 2/1999*];

“hentian sebelah” ertinya satu kawasan hentian di laluan sempit sungai atau terusan yang membentuk satu haluan yang membenarkan pelepasan bebas di terusan untuk sesuatu vesel berlabuh, di mana vesel itu boleh berhenti di hentian sebelah atau membenarkan vesel yang lain untuk berlepas;

“tiupan berpanjangan” ertinya tiupan dalam tempoh empat hingga enam saat;

“tiupan singkat” ertinya tiupan dalam tempoh satu saat;

“*Merchant Shipping (Collision Regulations) Order 1984*” [*P.U. (A) 438/84*] ertinya seperti mana di dalam Jadual *Merchant Shipping (Collision Regulations) Order 1984* atau mana-mana modifikasi statut yang sedia ada;

“jeti” ertinya apa-apa struktur jeti, tambatan, tempat menggelungsur, tempat mendarat, pelantar atau apa-apa struktur lain yang mengunjur ke terusan atau sungai, beting pasir, tasik atau tanah perairan atau struktur bersamaan sama ada yang melekat atau terapung, dibina atau didirikan, sebahagian atau

keseluruhannya di dalam atau di atas mana-mana kawasan badan air yang digunakan untuk tujuan memuat atau memunggah barangan, penumpang naik atau turun atau untuk menambat vesel atau apa-apa aktiviti navigasi lain;

“Master” ertinya orang yang memerintah atau bertanggungjawab ke atas sesebuah vesel;

“penumpang” ertinya mana-mana orang yang dibawa di atas vesel selain daripada Master atau anak-anak kapal;

“jalan air pedalaman ” ertinya mana-mana tasik, tanah perairan, terusan atau sungai di luar kawasan had pelabuhan;

“Pegawai Navigasi Jalan Air Pedalaman” ertinya Pengarah dan mana-mana pegawai yang diberi kuasa sewajarnya oleh Pengarah.

“terminal” ertinya terminal feri, tempat pemunggahan barang untuk penumpang, terminal muat turun barangan atau tempat bertambat untuk pelbagai jenis vesel;

“wisel” ertinya apa-apa bunyi atau isyarat daripada peralatan yang boleh mengeluarkan isyarat.

BAHAGIAN II

KUASA LEMBAGA

Kuasa Lembaga terhadap aktiviti navigasi jalan air pedalaman di mana-mana jalan air pedalaman

3. (1) Lembaga hendaklah mengarahkan mana-mana orang yang mengendalikan aktiviti navigasi atau pemilik vesel di mana-mana jalan air pedalaman untuk—

- (a) meletakkan boya, tambatan, lampu isyarat, “*beacon light*” termasuklah lain-lain peralatan navigasi diperlukan sebagai panduan kepada vesel;
- (b) mengumpulkan, mengalihkan dan membuang atau mengendalikan semua bahan pencemar, sampah, kayu balak, rumpai, rumput panjang, pokok atau sebarang bahan lain yang terapung di jalan air pedalaman;
- (c) mengalihkan sebarang kayu mati, kayu atau sebarang bahan pepejal lain yang dibiarkan di tebing atau berdekatan dengan mana-mana jalan air pedalaman; dan
- (d) menghalang pengumpulan atau pengaliran sampah sarap dalam bentuk pepejal atau cecair ke dalam jalan air pedalaman.

(2) Tanpa menyentuh peruntukan subperaturan (1), Lembaga hendaklah mempunyai kuasa untuk—

- (a) merancang penambahbaikan sistem trafik di mana-mana jalan air pedalaman;

- (b) mengenalpasti dan menyediakan tapak berlabuh untuk vesel di mana-mana jalan air pedalaman yang jelas pada Lembaga bahawa kepentingan komersial memerlukan tapak berlabuh seperti itu untuk navigasi yang selamat;
- (c) mengawal pengangkutan barang dan penumpang oleh vesel;
- (d) mengawalselia operasi vesel;
- (e) menghendaki pemilik vesel atau pengendali untuk memperolehi kebenaran daripada pemilik atau penghuni mana-mana tanah yang bersebelahan dengan jalan air pedalaman untuk—
 - (i) mengalihkan, merendahkan atau merapikan mana-mana pagar, pokok atau pokok renek daripada tumbuh di tebing mana-mana sungai yang mengganggu trafik di dalam jalan air pedalaman dalam sebarang cara mengikut kehendak Lembaga; dan
 - (ii) mengambil apa-apa langkah yang difikirkan wajar oleh Lembaga untuk melindungi aliran air dan tebing mana-mana tasik tanah perairan, terusan atau sungai untuk mengawal pelepasan atau longgokan sebarang sampah sarap ke dalam terusan mana-mana jalan air pedalaman;
- (f) membuat penyiasatan berhubung dengan kemalangan melibatkan kehilangan nyawa atau sebarang kecederaan serius ke atas mana-mana orang atau mengakibatkan kehilangan atau kerosakan serius kepada vesel atau menyebabkan gangguan kepada penumpang vesel atau mengakibatkan kehilangan atau kerosakan serius barang-barang yang diangkut oleh vesel tersebut.

BAHAGIAN III

TRAFIK NAVIGASI JALAN AIR PEDALAMAN

Laluan layar selamat

4. (1) Setiap vesel yang belayar ke bahagian hulu atau hilir sungai, hendaklah apabila ianya selamat dan praktikal, sentiasa berada di laluan layar yang selamat atau di pertengahan sungai di sebelah kanan vesel tersebut.

(2) Apabila dua buah vesel belayar pada arah yang bertentangan, sekiranya sebuah vesel menghala ke hulu sungai manakala sebuah vesel lagi menghala ke hilir sungai, menghampiri satu sama lain yang boleh mengakibatkan risiko pelanggaran, kedua-dua vesel tersebut hendaklah melepasi satu sama lain di bahagian sebelah kiri laluan layar vesel masing-masing.

(3) Setiap vesel yang belayar dari sebelah ke sebelah lain sungai hendaklah belayar pada waktu yang sesuai dengan mengambil kira vesel lain yang belayar ke hulu dan ke hilir sungai, dan hendaklah belayar tanpa menyebabkan halangan, kecederaan atau kerosakan kepada mana-mana vesel lain.

(4) Sesebuah vesel hendaklah tidak boleh berada di laluan layar sungai dari mana-mana anak sungai atau alur sungai pada mana-mana masa dalam mana-mana keadaan yang boleh menghalang trafik ke hulu dan hilir laluan layar tersebut.

(5) Tertakluk kepada subperaturan (2),vesel yang belayar melawan arus dalam semua keadaan hendaklah jika perlu memperlahankan hadlajunya dan memberi laluan kepada vesel yang belayar mengikut arus; dan apabila vesel menghampiri satu sama lain yang boleh mengakibatkan risiko pelanggaran, kemudi hendaklah diletakkan pada sebelah kanan dan jika perlu enjin hendaklah dimatikan atau mengundur.

Operasi feri

5. Vesel yang berulang alik sebagai feri apabila melintasi secara terus dari sebelah ke sebelah lain sungai hendaklah memberikan laluan vesel yang belayar ke hulu dan ke hilir sungai.

Keperluan mengurangkan had laju

6. (1) Setiap vesel yang belayar melawan arus sungai hendaklah mengelak risiko pelanggaran memperlahankan kelajuan atau berhenti apabila menghampiri atau semasa mengelilingi tempat yang ditetapkan atau selekoh yang tajam bagi membenarkan mana-mana vesel yang belayar mengikut arus melepasinya.

(2) Apabila mana-mana vesel menghampiri mana-mana vesel yang belayar atau vesel yang ditunda atau belayar menggunakan pengayuh, bergerak bertentangan arah, kelajuan vesel tersebut, hendaklah jika perlu, diperlahankan apabila ia berada dalam jarak 30 meter, dan sehingga ia melepasi vesel tersebut.

Vesel di dalam keadaan bahaya atau tidak selamat

7. Vesel yang berada di dalam keadaan berbahaya atau tidak selamat, hendaklah tidak dibenarkan untuk belayar di luar kawasan jeti kecuali bagi pemunggaan atau pembaikan. Sebarang aktiviti navigasi yang tidak diperlukan oleh mana-mana vesel tersebut hendaklah pada setiap hari perkara itu berlaku melanggar peraturan ini dan melakukan suatu kesalahan.

Larangan menunda vesel lain dalam satu barisan atau bersebelahan

8. (1) Mana-mana vesel hendaklah tidak pada satu-satu masa menunda dua atau lebih vesel lain dalam satu barisan supaya bahagian hadapan vesel pertama mempunyai jarak tidak kurang daripada seratus lima puluh meter dari bahagian hadapan vesel yang terakhir yang ditunda, atau menunda dua atau lebih vesel bersebelahan.

(2) Mana-mana vesel hendaklah pada satu-satu masa ditunda oleh dua vesel penunda atau yang ditentukan oleh Pengarah.

(3) Mana-mana vesel ketika menunda buritan vesel dengan ukuran pangkal hingga ke hujung penunda, memastikan ukuran daripada buritan bot penunda sehingga ke akhir vesel yang ditunda melebihi 200 meter, dan hendaklah dilengkapi—

- (i) lampu sisi;
- (ii) lampu buritan; dan
- (iii) lampu bot penunda dalam garis menegak.

Vesel hendaklah dikemudikan oleh orang yang berkelayakan

9. (1) Setiap vesel semasa belayar hendaklah dikemudikan oleh seorang Master yang berkelayakan dan mempunyai bilangan anak kapal yang mencukupi dan berpengalaman, dan hendaklah menugaskan seorang pada siang hari dan dua orang pada waktu malam di bahagian hadapan vesel sebagai pemerhati untuk memberi makluman dalam masa yang wajar berkenaan sebarang halangan atau bahaya.

(2) Master hendaklah memperolehi sijil kecekapan untuk belayar yang diiktiraf di bawah *Merchant Shipping Ordinance 1952* [Ordinan 70/1952] sebelum boleh mengendalikan sesebuah vesel di jalan air pedalaman kecuali bagi nelayan untuk tujuan perikanan saradiri yang berdaftar di bawah Akta Perikanan 1985 [Akta 317].

Barangan tidak dibenarkan dimasukkan atau dikeluarkan ke dalam atau dari vesel tanpa kebenaran

10. Barangan hendaklah tidak dimasukkan atau dikeluarkan dari mana-mana vesel yang sedang ditambat atau berlabuh di mana-mana jalan air pedalaman dari atau ke dalam ke mana-mana vesel tanpa mendapat kebenaran daripada Pengarah.

Had laju

11. (1) Tiada vesel apabila menggunakan mana-mana jalan air pedalaman atau mana-mana bahagian jalan air pedalaman boleh melebihi had laju sepertimana yang ditetapkan oleh Pengarah melalui pemberitahuan di dalam Notis secara bertulis.

(2) Notis had laju hendaklah dipamerkan di beberapa tempat yang ditetapkan di sepanjang jalan air pedalaman atau pada mana-mana tempat pendaratan penumpang atau jeti.

Pergerakan trafik

12. (1) Semua vesel semasa belayar atau berlabuh atau bertambat di mana-mana jalan air pedalaman, selain daripada yang dikecualikan oleh Pihak Berkuasa Negeri, hendaklah—

- (a) bergerak dengan berhati-hati dan dalam lingkungan had laju yang ditetapkan untuk vesel yang menggunakan jalan air pedalaman ;
- (b) mengikuti dan mematuhi *Merchant Shipping (Collision Regulations) Order 1984 [P.U. (A) 438/84]* yang mana tidak bercanggahan dengan yang ditetapkan oleh Peraturan-Peraturan ini;
- (c) membawa, menggunakan, mempamerkan atau mematuhi semua lampu, tanda keselamatan, bunyi dan amaran navigasi selaras dengan peraturan ini;
- (d) belayar atau bergerak sebelah menyebelah hanya sekiranya terdapat ruang yang mencukupi di dalam terusan yang boleh dilayari di mana-mana jalan air pedalaman negeri dan tanpa menyebabkan kesulitan atau bahaya kepada trafik;
- (e) tidak melepasi atau memotong vesel lain yang sedang belayar di jalan air pedalaman, melainkan tanpa mengakibatkan bahaya kepada vesel tersebut, trafik yang lain, alat bantuan navigasi atau harta lain di atas jalan air pedalaman, dan vesel yang berhasrat untuk memotong atau melepasi vesel di hadapannya hendaklah menunjukkannya dengan membunyikan dua isyarat tiupan singkat wisel. Jika vesel di hadapan menerima isyarat tersebut, ia hendaklah membalas dengan membunyikan satu isyarat tiupan singkat dan memastikan vesel itu berada di sebelah kanan jalan air pedalaman yang pada pendapat orang yang bertanggungjawab adalah selamat. Tanggungjawab untuk melepasi vesel lain di dalam mana-mana keadaan adalah terletak pada vesel yang memotong;
- (f) tidak membunyikan wisel atau siren, kecuali untuk membuat isyarat yang perlu sepertimana yang dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan ini; dan
- (g) mematuhi mana-mana arahan yang diberikan dari semasa ke semasa oleh Pegawai Navigasi Jalan Air Pedalaman.

(2) Master bagi setiap vesel hendaklah mematuhi mana-mana isyarat yang menggunakan bendera, bunyi atau lampu yang ditunjukkan kepadanya atau apa-apa arahan yang diberikan oleh mana-mana Pegawai Navigasi Jalan Air Pedalaman daripada mana-mana vesel atau tempat yang dikehendakinya untuk berhenti, atau diberhentikan atau untuk melakukan tindakan yang lain.

(3) Vesel yang belayar tanpa menggunakan enjin atau pengayuh hendaklah pada setiap masa mengelak melintasi haluan vesel berenjin yang datang dari arah hadapan, jika melakukannya boleh mengakibatkan suatu risiko pelanggaran.

(4) Tiada vesel dari mana-mana kelas atau kelas yang ditetapkan boleh memasuki atau berlegar di mana-mana jalan air pedalaman yang mana Pengarah melalui notis bertulis, telah menandakan dan menetapkan bahawa tiada vesel boleh masuk atau berlegar.

(5) Pemilik atau Master vesel hendaklah dengan serta merta memaklumkan kepada Pengarah berkenaan sebarang kerosakan yang disebabkan oleh vesel ke atas mana-mana alat bantuan navigasi yang menjadi panduan kepada vesel di jalan air pedalaman dan hendaklah bertanggungjawab untuk membayar pampasan kepada Lembaga.

Isyarat kecemasan

13. (1) Apabila sesebuah vesel di mana-mana jalan air pedalaman berada di dalam keadaan kecemasan dan memerlukan bantuan daripada vesel lain atau daripada daratan, perkara berikut hendaklah menjadi isyarat yang akan digunakan, dipamerkan atau dibunyikan:

- (a) sehelai bendera atau objek lain yang sesuai dilambaikan dalam bentuk bulatan;
- (b) sehelai bendera yang mempunyai bola atau apa-apa objek yang menyerupai bola di bahagian atas atau bawahnya;
- (c) lampu yang dilambai dalam bentuk bulatan;
- (d) roket atau peluru yang melontarkan bintang merah, ditembak sekali pada satu-satu masa dalam jangka masa yang singkat;
- (e) satu isyarat terang bersinar yang mengandungi kumpulan (SOS) di dalam kod Morse;
- (f) nyalaan yang boleh dihasilkan dengan membakar tar atau minyak;
- (g) nyalaan payung terjun atau pemegang tangan yang memancarkan cahaya merah;
- (h) pergerakan kedua-dua belah lengan ke atas dan ke bawah secara perlahan dan berulang;
- (i) bunyi yang berterusan dengan menggunakan mana-mana apparatus isyarat kabus;
- (j) isyarat asap yang mengeluarkan asap berwarna oren;
- (k) isyarat yang dihantar menggunakan radiotelefoni yang mengandungi perkataan percakapan "Mayday";
- (l) isyarat yang dihantar menggunakan penentuan kedudukan kecemasan isyarat radio;
- (m) isyarat kecemasan radiotelefon; atau
- (n) mana-mana isyarat kecemasan yang diluluskan dan dihantar menggunakan sistem radio komunikasi.

(2) Penggunaan atau paparan mana-mana isyarat di atas selain daripada bertujuan untuk menunjukkan sesebuah vesel berada di dalam keadaan berbahaya, kecemasan dan memerlukan bantuan adalah dilarang.

Isyarat darjah penglihatan semasa cuaca buruk

14. (1) Dalam keadaan cuaca berkabus tebal, berkabus nipis, hujan ribut atau lain-lain keadaan seumpamanya yang boleh mengurangkan darjah penglihatan sama ada pada hari siang atau malam, isyarat yang ditetapkan dalam Peraturan-Peraturan ini hendaklah digunakan seperti berikut:

- (a) melalui perairan hendaklah membunyikan wisel dengan tiupan berpanjangan tidak melebihi sela masa dua minit setiap bunyi;
- (b) vesel yang sedang dalam perjalanan tetapi berhenti, dan tidak meneruskan perjalanan dan hendaklah membunyikan dua tiupan berpanjangan tidak melebihi dua minit dengan sela masa satu saat di antara dua tiupan tersebut;
- (c) vesel yang melabuhkan atau menurunkan sauhnya di dasar perairan hendaklah membunyikan dua tiupan berpanjangan tidak melebihi dua minit dengan sela masa satu saat di antara dua tiupan tersebut;
- (d) vesel apabila menunda hendaklah membunyikan tiga tiupan berturut-turut tidak melebihi dua minit, iaitu, satu tiupan berpanjangan yang diikuti dengan dua tiupan singkat. Vesel yang ditunda boleh menggunakan isyarat ini dan ia tidak perlu menggunakan isyarat lain;
- (e) vesel yang sedang dalam perjalanan jika atas apa-apa sebab tidak berada di bawah arahan atau tidak boleh dikemudikan seperti yang dikehendaki dalam Peraturan ini, hendaklah membunyikan empat tiupan singkat secara berturut-turut yang pantas dengan sela masa kurang daripada dua minit; atau
- (f) vesel yang berlabuh atau bertambat di laluan selamat hendaklah membunyikan loceng dengan pantas selama lima saat dengan sela masa tidak melebihi daripada satu minit.

Vesel yang belayar dan vesel yang dinavigasi oleh pengayuh

15. (1) Vesel yang belayar dan vesel yang dikemudikan menggunakan pengayuh melintasi jalan air pedalaman atau laluan selamat bagi mana-mana jalan air pedalaman, hendaklah berbuat demikian dengan berwaspada dan berhati-hati supaya tidak membahayakan keselamatan vesel lain sehingga mengakibatkan vesel tersebut menukar haluan, arah dan kelajuannya secara mendadak.

(2) Semua vesel apabila tidak beroperasi hendaklah berlabuh di jeti yang telah diluluskan oleh Pengarah atau jika tidak berlabuh di mana-mana jeti, berada di kawasan berlabuh di mana-mana jalan air pedalaman di dalam kedudukan yang tidak menghalang atau membahayakan trafik.

Keselamatan vesel

16. (1) Setiap vesel yang menggunakan tasik, tanah perairan, terusan atau sungai hendaklah pada setiap masa mempunyai peralatan keselamatan dan Sistem Pengenalalan Automatik Radar seperti yang dikehendaki oleh *Merchant Shipping (Collision Regulations) Order 1984 [P.U. (A) 438/84]*.

(2) Tiada vesel boleh dimuatkan dengan barangan atau penumpang yang melebihi penanda maksimum drauf vesel tersebut.

(3) Sesebuah vesel yang dibenarkan atau dilesenkan untuk membawa penumpang hendaklah tidak membawa penumpang melebihi bilangan yang dibenarkan di dalam lesen.

Kerosakan akibat ombak

17. Setiap vesel, hendaklah apabila belayar di mana-mana jalan air pedalaman, hendaklah dikemudikan sebaiknya supaya tidak menimbulkan risiko pelanggaran dan hendaklah mengambil semua langkah berjaga-jaga untuk mengelakkan kerosakan yang disebabkan oleh ombak yang dihasilkan oleh vesel tersebut kepada mana-mana vesel lain, individu atau harta yang diangkut melalui air atau tebing sungai.

Halangan

18. (1) Tertakluk kepada peruntukan Bahagian IV, tiada vesel, peralatan dan apparatus yang digunakan untuk mengabstrak pasir, bahan untuk membuat jalan raya atau kerja mencari gali mineral atau pelaksanaan sebarang kerja lain, boleh berlabuh atau menghalang laluan layar selamat pada mana-mana jalan air pedalaman atau jeti atau terminal pendaratan penumpang.

(2) Tiada perangkap ikan atau pukut tunda, atau jala lain boleh ditebarkan atau diletakkan di laluan layar jalan air pedalaman, yang mana boleh menyebabkan atau boleh mendatangkan halangan atau merbahaya kepada navigasi mana-mana vesel.

(3) Pengarah atau Pegawai Navigasi Jalan Air Pedalaman boleh, bagi mengelakkan halangan atau penghalang, sama ada tetap atau terapung, timbul atau sekali sekala timbul di jalan air pedalaman—

(a) mengalihkan mana-mana vesel yang karam, rosak, hanyut atau sauh atau halangan lain yang pada bila-bila masa menghalang atau boleh menghalang navigasi pada mana-mana bahagian jalan air pedalaman; atau

(b) menghalang atau boleh menghalang, laluan bebas ke mana-mana jeti atau tempat berlabuh atau tempat pendaratan.

(4) Perbelanjaan untuk mengalih atau usaha mengalihkan mana-mana vesel karam, rosak, hanyut, sauh atau halangan lain hendaklah dibayar semula oleh pemilik vesel; dan Pegawai Navigasi Jalan Air Pedalaman boleh menahan mana-mana vesel karam, rosak, hanyut, sauh atau halangan lain tersebut sebagai jaminan perbelanjaan, dan bagi bayaran perbelanjaan yang masih tidak didapatkan kembali setelah tuntutan dibuat, Pegawai Navigasi Jalan Air Pedalaman boleh menjual vesel karam, rosak, hanyut, sauh tersebut atau halangan lain, dan mendapatkan kembali perbelanjaan itu daripada hasil daripada

penjualan tersebut, dan mengemukakan baki, sekiranya ada, kepada pemilik, jika dituntut, dan bagi keadaan di mana hasil penjualan tidak mencukupi untuk membayar perbelanjaan itu, perbelanjaan tersebut boleh dituntut sebagai suatu hutang kepada Lembaga daripada pemilik itu.

BAHAGIAN IV

BERLABUH DAN BERTAMBAT

Berlabuh

19. (1) Pengarah hendaklah menetapkan dengan tanda atau tambatan pada mana-mana kawasan jalan air pedalaman yang difikirkan selamat untuk vesel berlabuh atau bertambat (kemudian daripada ini disebut ‘kawasan berlabuh’).

(2) Tiada seseorang pun boleh melabuh atau menambat mana-mana vesel di luar kawasan berlabuh, melainkan berlaku kecemasan atau kemalangan atau pendaratan atau untuk tujuan pergerakan atau di mana vesel tidak boleh meneruskan pelayaran disebabkan keadaan pasang surut atau cuaca buruk, yang mana dalam keadaan tersebut Master vesel hendaklah dengan serta merta, mempamerkan cahaya dan tanda seperti mana yang ditetapkan dalam *Merchant Shipping (Collision Regulations) Order 1984 [P.U. (A) 438/84]* sehingga vesel itu dialihkan dan hendaklah dalam tempoh dua puluh empat jam memaklumkan Pengarah.

(3) Setiap vesel yang berlabuh atau bertambat di mana-mana jalan air pedalaman hendaklah—

- (a) apabila berlabuh di kawasan berlabuh, mengekalkan secara berterusan pengawasan yang efisien;
- (b) apabila bertambat di mana-mana jeti atau terminal pendaratan penumpang diletakkan di bawah pengawasan oleh seorang yang berkeupayaan untuk mematuhi sebarang arahan yang dikeluarkan di bawah subperaturan 12(1)(g); dan
- (c) mempamerkan lampu navigasi, tanda atau amaran navigasi sepertimana yang ditetapkan di bawah subperaturan 24(1).

Kehilangan sauh

20. (1) Master sesebuah vesel hendaklah dalam tempoh dua puluh empat jam melaporkan kepada Pengarah sekiranya berlaku kehilangan mana-mana sauh, atau kabel atau halangan yang disebabkan oleh veselnya di mana-mana jalan air pedalaman dan hendaklah membawa atau menandakan dengan secukupnya kedudukan sauh atau kabel atau halangan tersebut dan laporannya hendaklah mengandungi maklumat tepat mengenai kedudukan tersebut.

(2) Sekiranya mana-mana orang menjumpai sauh atau kabel di dalam air di mana-mana jalan air pedalaman yang tidak bersambung pada mana-mana vesel dan tanpa pemilik, dia hendaklah melaporkan penemuannya kepada Pegawai Navigasi Jalan Air Pedalaman dalam masa dua puluh empat jam.

(3) Pengarah hendaklah mengendalikan sauh dan atau kabel tersebut seperti ianya adalah rosak dan hendaklah mempunyai tanggungjawab sebagai penerima kerosakan.

Menurunkan barangan dan penumpang

21. (1) Semua vesel hendaklah, bagi tujuan memuat atau memunggah barangan atau mengambil atau menurunkan penumpang, menggunakan mana-mana jeti atau terminal pendaratan penumpang atau satu tempat yang dibenarkan oleh Pengarah.

(2) Di setiap jeti atau terminal pendaratan penumpang hendaklah didirikan dan dipamerkan papan tanda yang memaparkan maklumat dan butiran tertentu sepertimana yang diarahkan oleh Pengarah.

Pengendalian selamat vesel

22. (1) Setiap vesel hendaklah berlabuh atau ditambat dengan selamat di jeti atau di terminal pendaratan penumpang sebelum memuat atau memunggah barangan atau mengambil atau menurunkan penumpang.

(2) Melainkan diarahkan sebaliknya oleh Pengarah, Master setiap vesel yang berada bersebelahan jeti atau terminal pendaratan penumpang hendaklah menyediakan pencahayaan dan laluan yang sesuai dengan tiang penyangga dan susur tangan di antara veselnya dan jeti atau terminal pendaratan penumpang. Laluan tersebut hendaklah diterangi cahaya yang mencukupi sewaktu matahari terbenam dan matahari terbit.

Tanggungjawab Master

23. (1) Master sesebuah vesel dan pemilik hendaklah bertanggungjawab untuk—

- (a) melabuh atau menambat vesel dengan cara yang selamat dan sesuai;
- (b) mana-mana kerosakan disebabkan oleh ketidaksempurnaan atau kelalaian melabuh atau menambat atau sebarang kerosakan peralatan atau radas yang digunakan; dan
- (c) mematuhi peruntukan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

Lampu dan isyarat

24. (1) Semua vesel apabila berlabuh atau bertambat di mana-mana jalan air pedalaman, hendaklah mempamerkan lampu navigasi sepertimana yang ditetapkan dalam *Merchant Shipping (Collision Regulations) Order 1984 [P.U. (A) 438/84]* melainkan ditetapkan sebaliknya di bawah peraturan ini.

(2) Sesebuah vesel yang meletakkan sauh dalam kedudukan yang boleh membahayakan trafik di dalam mana-mana jalan air pedalaman hendaklah menandakan lokasi sauh tersebut dengan sebuah pelampung kuning dan lampu dengan satu pemantul radar.

(3) Sesebuah vesel yang berlabuh untuk tujuan perikanan jaring atau tiang mengunjur dari vesel ke jalan air pedalaman atau dengan jaring atau tiang diletakkan di jalan air pedalaman berdekatan dengan vesel tersebut hendaklah menandakan jaring atau tiang tersebut dengan pelampung kuning atau bendera atau lampu dalam jumlah yang mencukupi untuk menunjukkan kedudukannya.

(4) Sesebuah vesel yang tidak boleh dikemudi hendaklah, sebagai tambahan untuk mempamerkan lampu sepertimana ditetapkan dalam subperaturan (1), mempamerkan cahaya merah, yang boleh dilihat dari semua arah dan diletakkan pada ketinggian tidak kurang dari tiga meter.

Kawalan kawasan berlabuh, jeti dsb.

25. (1) Pengarah boleh mengarah mana-mana vesel, yang berlabuh di mana-mana kawasan berlabuh, untuk meninggalkan kawasan tersebut bagi memudahkan pengosongan atau pembersihan jalan air pedalaman, atau jika kawasan tersebut diperlukan untuk mengadakan satu acara awam di jalan air pedalaman atau sekiranya Pengarah fikir ianya diperlukan, demi kepentingan keselamatan atau untuk mengelakkan bahaya atau halangan kepada trafik, untuk mengarahkan semua vesel yang berlabuh di situ meninggalkan kawasan tersebut.

(2) Mana-mana vesel yang telah selesai memuat atau memunggah barangan atau mengambil atau menurunkan penumpang di mana-mana jeti atau terminal pendaratan penumpang hendaklah meninggalkan kawasan tersebut jika diminta berbuat demikian oleh Pegawai Navigasi Jalan air Pedalaman.

(3) Pengarah boleh dari semasa ke semasa, mengeluarkan arahan, yang difikirkan wajar, berkaitan dengan vesel yang berlabuh di mana-mana kawasan berlabuh dan penggunaan mana-mana jeti atau terminal pendaratan penumpang.

(4) Arahan yang dikeluarkan oleh Pengarah hendaklah secara bertulis.

Abstraksi air mentah

26. Pemilik atau Master vesel hendaklah memperolehi lesen daripada Lembaga untuk mengabstrak air mentah dari sumber air ke vesel yang berlabuh di mana-mana jalan air pedalaman atau singgah di sebelah jeti atau terminal pendaratan penumpang. Caj yang perlu dibayar adalah sepertimana yang ditetapkan melalui pemberitahuan yang dibuat di bawah subseksyen 44(1) Enakmen.

Larangan meletakkan halangan di antara laluan layar dan vesel

27. Mana-mana vesel atau halangan lain tidak boleh dibiarkan, atau diikat, atau ditambatkan di antara mana-mana vesel dan tebing berdekatan dengannya, untuk mengelakkan pergerakan bebas mana-mana feri atau vesel, di jalan air pedalaman yang boleh membentuk halangan menghampiri mana-mana jeti persendirian atau awam atau tempat pendaratan kecuali apabila memuat atau memunggah barangan, atau penumpang naik atau turun, atau semasa menghampiri, tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran daripada Pengarah.

BAHAGIAN V

PENDAFTARAN VESEL

Keperluan pendaftaran

28. (1) Tiada vesel boleh belayar untuk sewaan atau perdagangan atau membawa barangan dan penumpang di mana-mana jalan air pedalaman kecuali—

- (a) vesel tersebut didaftarkan dan dilesenkan di bawah Peraturan-Peraturan ini; atau
- (b) vesel tersebut termasuk di dalam Jadual; dan
- (c) master vesel tersebut mempunyai sijil yang sah di bawah subperaturan 9(2); dan
- (d) fi vesel sebanyak seratus lima puluh ringgit telah dibayar.

(2) Tertakluk kepada subperaturan (1), sekiranya mana-mana vesel belayar di mana-mana jalan air pedalaman tidak didaftarkan atau tidak mempunyai lesen yang sah, pemilik vesel adalah telah melakukan suatu kesalahan.

(3) Sesebuah vesel yang terlibat untuk tujuan bantuan kecemasan adalah diberi pengecualian daripada sebarang pendaftaran, lesen atau fi di bawah peraturan ini.

Pendaftaran

29. (1) Tertakluk kepada syarat yang ditetapkan oleh Lembaga, pemilik vesel atau wakilnya hendaklah membuat permohonan pendaftaran vesel di dalam borang yang ditetapkan.

(2) Pengarah hendaklah menyimpan dan menyelenggara suatu buku daftar bagi semua vesel yang telah didaftarkan di bawah peraturan ini.

(3) Selepas penerimaan permohonan dan fi pendaftaran sepertimana yang ditetapkan, Pegawai Navigasi Jalan Air Pedalaman untuk tujuan tersebut hendaklah, jika berpuashati selepas pemeriksaan, bahawa vesel itu telah mematuhi keperluan peraturan 31 yang relevan, mendaftarkan vesel tersebut.

BAHAGIAN VI

PELESENAN NAVIGASI JALAN AIR PEDALAMAN

Permohonan dan pengeluaran lesen

30. (1) Sesuatu permohonan bagi Lesen Navigasi Jalan Air Pedalaman hendaklah dibuat kepada Pengarah dalam borang permohonan yang ditentukan oleh Pengarah.

(2) Permohonan di bawah subperaturan (1) hendaklah dikemukakan bersama pelan pengawasan yang merangkumi tindakan yang akan diambil sekiranya berlaku sebarang kerosakan vesel atau sebarang risiko pelanggaran atau ancaman bahaya.

Syarat kelulusan

31. (1) Pemegang lesen hendaklah mematuhi terma dan syarat lesen.

(2) Lesen tidak akan dikeluarkan melainkan setelah Pengarah berpuashati bahawa—

- (a) vesel mempunyai lesen pendaftaran sah seperti yang dikehendaki di bawah *Merchant Shipping Ordinance 1952* [*Ordinan 70/1952*];
- (b) vesel telah didaftarkan dengan Lembaga;
- (c) vesel terlibat di dalam perkapalan domestik dan dilesenkan di bawah Bahagian IIB *Merchant Shipping Ordinance 1952* [*Ordinan 70/1952*];
- (d) vesel mempunyai semua peralatan keselamatan dan lampu navigasi yang diperlukan;
- (e) vesel mempunyai polisi insuran yang diterima pakai oleh Lembaga yang melindungi semua barangan atau penumpang yang dibawa oleh vesel tersebut dan juga pihak ketiga;
- (f) vesel hendaklah sentiasa berada di dalam kategori kelas atau jenisnya, yang mana penggunaannya tidak akan menyebabkan bahaya kepada pengguna jalan air pedalaman lain atau harta benda di jalan air pedalaman atau menyebabkan hakisan yang besar kepada tebing atau dasar daratan;
- (g) vesel tersebut tidak digunakan untuk mana-mana aktiviti lain, yang boleh menyebabkan kerosakan atau berisiko tinggi ke atas hidupan atau tumbuhan akuatik atau apa-apa sumber di dalam jalan air pedalaman;
- (h) Master atau pemilik vesel telah memberikan apa-apa maklumat dan perincian lain yang diperlukan oleh Pengarah; dan
- (i) pemegang lesen telah menyediakan pelan pengawasan, anggaran perbelanjaan ganti rugi dan laporan yang mengandungi maklumat terperinci alat bantuan pelayaran atau sebarang maklumat lain yang difikirkan perlu oleh Pengarah dari semasa ke semasa.

(3) Pengarah boleh menentukan terma dan syarat lesen untuk dipatuhi oleh pemilik vesel atau Master sebagai tambahan kepada terma dan syarat seperti dinyatakan di dalam subperaturan (1).

(4) Pengarah boleh dari semasa ke semasa membatalkan atau meminda mana-mana terma dan syarat dalam lesen yang dikeluarkan di bawah peraturan ini.

(5) Setiap lesen yang dikeluarkan hendaklah mematuhi seksyen 96 dan 97 Enakmen dan tidak ada lesen boleh dikeluarkan sehinggalah nama vesel, atau nombor lesen sekiranya diarahkan oleh Pengarah, telah dicat atau ditandakan dengan jelas pada bahagian haluan, kiri dan kanan vesel tersebut.

(6) Pengarah atau mana-mana Pegawai Navigasi Jalan Air Pedalaman hendaklah memeriksa vesel dan berpuashati bahawa ianya selamat dan sesuai untuk membawa barangan atau penumpang sebelum lesen dikeluarkan.

(7) Pemilik atau Master seperti namanya yang tercatat pada lesen adalah pemilik atau Master vesel tersebut dan hendaklah bertanggungjawab ke atas segala kesalahan.

Fi tidak dikembalikan

32. Apa-apa fi yang telah dibayar di bawah Peraturan-Peraturan ini tidak boleh dikembalikan.

BAHAGIAN VII

PENUMPANG

Lesen membawa penumpang

33. (1) Tiada vesel boleh digunakan untuk membawa penumpang di mana-mana jalan air pedalaman melainkan vesel tersebut telah didaftarkan.

(2) Sesebuah vesel boleh dinyatakan sebagai membawa penumpang jika vesel tersebut didaftarkan untuk membawa lapan orang penumpang atau lebih bergantung pada kapasiti vesel tersebut.

Vesel penumpang

34. (1) Pemilik atau Master setiap vesel penumpang hendaklah memastikan veselnya mematuhi peruntukkan Bahagian IV, *The Merchant Shipping Ordinance, 1952* [*Ordinan 70/1952*] dan Peraturan-Peraturan ini.

(2) Pemilik atau Master mana-mana vesel yang telah diberikan lesen oleh Pengarah di bawah Peraturan-Peraturan ini adalah dilarang—

- (a) menjual, menghidang atau menyediakan atau menyebabkan untuk dijual, dihidang atau disediakan di atas vesel sebarang minuman beralkohol;

- (b) menayang apa-apa filem, wayang atau kaset video pornografi; atau
 - (c) melakukan apa-apa aktiviti yang tidak bermoral.
- (3) Tiada mana-mana orang boleh memasuki atau berada di dalam mana-mana vesel—
- (a) tanpa tiket atau pas yang sah;
 - (b) berkelakuan kurang sopan atau mabuk atau yang mana kelakuannya adalah tidak sesuai untuk keselamatan vesel atau penumpang lain;
 - (c) memiliki apa-apa senjata berbahaya yang tidak diserahkan kepada Master vesel untuk simpanan secara selamat; atau
 - (d) melakukan apa-apa perbuatan yang menyalahi apa-apa larangan lain yang ditetapkan oleh Lembaga dari semasa ke semasa.
- (4) Pemilik atau Master mana-mana vesel hendaklah bertanggungjawab untuk tidak membenarkan mana-mana orang yang mengingkari subperaturan (2) daripada memasuki mana-mana vesel.

BAHAGIAN VIII

VESEL HILANG ATAU KARAM

Vesel hilang atau karam di dalam jalan air pedalaman

35. (1) Pemilik atau Master yang veselnya hilang, karam atau terkandas di mana-mana jalan air pedalaman hendaklah dalam tempoh dua puluh empat jam membuat laporan polis dan memaklumkan kepada Pengarah dengan segera mengenai lokasi yang tepat di mana berlakunya kejadian tersebut.
- (2) Pemilik atau Master yang veselnya hilang, karam atau terkandas hendaklah menandakan posisi vesel dengan meletakkan—
- (a) bendera yang berwarna merah di sebahagian atas dan berwarna putih di sebahagian bawah, atau dua bendera dikibarkan di atas satu yang lain, bendera merah di bahagian atas dan bendera putih di bahagian bawah, di tepi bahagian jalan air pedalaman yang jelas; dan
 - (b) bendera merah di tepi bahagian jalan air pedalaman yang tidak jelas atau dihalang oleh vesel yang karam atau terkandas.

Pemberitahuan untuk mengalih atau mengapungkan vesel

36. Pengarah hendaklah dimaklumkan secara bertulis dalam tempoh dua puluh empat jam berkenaan apa-apa tindakan yang akan diambil untuk mengalih atau mengapungkan vesel yang hilang, karam atau terkandas.

Pemberitahuan kepada orang awam

37. Sebaik menerima notis bertulis di bawah peraturan 36, Pegawai Navigasi Jalan Air Pedalaman hendaklah dengan serta-merta memaklumkan kepada

semua pengguna jalan air pedalaman dan orang awam mengenai bahaya akibat daripada kehilangan, karam atau terkandasnya mana-mana vesel di jalan air pedalaman.

BAHAGIAN IX

PEMBUANGAN SAMPAH ATAU PELEPASAN BAHAN PENCEMAR DARI VESEL

Tanggungjawab pemilik atau Master vesel

38. Pemilik atau Master setiap vesel hendaklah menyediakan di atas veselnya—

- (a) tong dan bekas lain untuk mengumpul sampah;
- (b) tong dan bekas lain untuk mengumpul minyak, gris, kain atau plastik yang dicemari dengan minyak atau gris;
- (c) bekas dan perkakas sanitari untuk pengumpulan, pelupusan atau rawatan najis manusia; dan
- (d) kemudahan tandas bersih dan sempurna untuk penumpang dan anak kapal vesel tersebut.

Larangan pembuangan atau pelepasan

39. (1) Pembuangan sampah atau pelepasan bahan pencemar dari mana-mana vesel yang kepekatannya tidak melebihi had parameter yang dibenarkan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Effluen Industri) 1979 [*P.U. (A) 12/1979*] atau apa-apa peraturan lain yang ditetapkan oleh Lembaga dari semasa ke semasa, adalah dilarang.

(2) Perkhidmatan pembuangan sampah boleh disediakan oleh Lembaga dan hendaklah mengikut cara dan fi sebagaimana yang ditetapkan oleh Lembaga.

(3) Walau apa pun subperaturan (1), Pengarah boleh memberi kebenaran sama ada tanpa dikenakan sebarang syarat atau tertakluk kepada terma dan syarat yang Pengarah fikirkan wajar untuk dikenakan.

Tumpahan atau pelepasan secara tidak sengaja

40. (1) Jika sebarang kejadian tumpahan atau pelepasan apa-apa minyak atau bahan pencemar lain secara tidak sengaja ke dalam mana-mana jalan air pedalaman daripada mana-mana vesel, Pengarah boleh melalui notis bertulis, mengarahkan pemilik atau Master vesel mengambil semua langkah yang munasabah untuk membersihkan, mengawal atau mengurangkan tumpahan atau pelepasan tersebut atau mendapatkan kembali semua minyak dan bahan pencemar lain dari jalan air pedalaman tersebut.

(2) Jika pemilik atau Master vesel gagal mematuhi subperaturan (1), Pegawai Navigasi Jalan Air Pedalaman hendaklah menyediakan anggaran bagi—

- (a) kemusnahan terhadap tumbuhan dan hidupan akuatik yang disebabkan oleh tumpahan atau pelepasan tersebut;
- (b) kos dan perbelanjaan yang terlibat termasuklah kos kajian penilaian dan pengawasan pencemaran bagi mengawal atau mengalihkan minyak atau bahan pencemar dari jalan air pedalaman;

mengemukakan dan menuntut anggaran tersebut daripada pemilik atau Master vesel itu.

(3) Pengarah boleh mengarahkan pemilik atau Master vesel berkenaan membayar sejumlah nilai sepertimana yang dianggarkan di bawah subperaturan (2) bagi menampung bayaran pampasan kepada mana-mana orang atau pihak yang telah menanggung kehilangan atau kerosakan akibat daripada tumpahan atau pembuangan tersebut atau kos mengawal atau mengalihkan minyak atau bahan pencemar dari jalan air pedalaman.

(4) Pengarah boleh mengarahkan pemilik atau Master berkenaan menyediakan kawalan keselamatan di dalam bentuk yang boleh diterima oleh Lembaga, sehingga jumlah anggaran di bawah subperaturan (2), untuk mengawal atau mengalihkan minyak atau bahan pencemar dari jalan air pedalaman .

Larangan menyelenggara vesel

41. Mana-mana vesel tidak dibenarkan diselenggara di mana-mana bahagian jalan air pedalaman kecuali di tempat penyelenggaraan yang ditetapkan oleh Lembaga.

BAHAGIAN X

PENGUATKUASAAN

Kuasa am

42. Lembaga hendaklah dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, mengisytiharkan mana-mana jalan air pedalaman ditutup untuk trafik bagi mana-mana kelas vesel sama ada untuk tempoh yang difikirkan munasabah atau secara kekal untuk—

- (a) melindungi tumbuhan atau hidupan akuatik di jalan air pedalaman atau sebahagian daripadanya;
- (b) melindungi aktiviti ekonomi penduduk yang tinggal di sepanjang atau di persekitaran jalan air pedalaman;
- (c) memudahkan kerja pengorekan, pembersihan atau aktiviti lain yang diluluskan untuk dijalankan di jalan air pedalaman;
- (d) membolehkan acara atau majlis awam diadakan di jalan air pedalaman; atau

- (e) mengelakkan hakisan berlebihan di tebing atau dasar jalan air pedalaman atau kerosakan harta benda atau kemudahan awam.

Kuasa untuk masuk dan memeriksa

43. (1) Pegawai Navigasi Jalan Air Pedalaman boleh pada setiap masa yang munasabah, dan tanpa waran dengan tujuan untuk menentukan sama ada syarat atau sekatan sesuatu lesen atau peruntukan peraturan ini dipatuhi untuk—

- (a) mengarahkan mana-mana vesel untuk berhenti atau dilencongkan ke mana-mana jeti atau terminal pendaratan penumpang atau mengeluarkan arahan lain yang sesuai kepada mana-mana vesel;
- (b) memasuki mana-mana vesel yang menjalankan aktiviti pengangkutan barang dan penumpang; atau
- (c) menjalankan apa-apa pemeriksaan terhadap atau di atas di vesel itu.

(2) Jika Pegawai Navigasi Jalan Air Pedalaman ada sebab untuk mempercayai adanya berlaku suatu kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini di mana-mana vesel, pemilik atau Master vesel hendaklah membenarkan Pegawai Navigasi Jalan Air Pedalaman masuk tanpa sekatan ke dalam vesel, iaitu apabila diminta oleh pegawai tersebut, dan memberikan segala kemudahan yang munasabah untuk menjalankan penggeledahan.

(3) Jika tidak dapat masuk ke dalam mana-mana vesel di bawah subperaturan (2) di atas, hendaklah sah bagi Pegawai Navigasi Jalan Air Pedalaman setelah memperkenalkan dirinya dan tujuan kemasukan itu kepada pemilik atau Master vesel, untuk memasuki vesel tanpa waran dan menggeledah vesel itu.

Penyitaan

44. (1) Pegawai Navigasi Jalan Air Pedalaman boleh menyita tanpa waran apa-apa barangan atau vesel yang semunasabahnya dipercayai olehnya sebagai mempunyai kaitan dengan, atau dapat memberikan keterangan berkenaan pelakuan suatu kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

(2) Pegawai Navigasi Jalan Air Pedalaman yang menyita apa-apa barangan atau vesel di mana-mana vesel di bawah subperaturan (1) hendaklah menyediakan suatu senarai barangan atau vesel yang disita dan dengan segera menyerahkan suatu salinan senarai tersebut yang ditandatangani olehnya kepada pemilik atau Master vesel itu.

(3) Mana-mana barangan atau vesel yang disita di bawah peraturan ini hendaklah diterima sebagai keterangan dalam mana-mana prosiding di bawah peraturan ini.

(4) Jika, oleh sebab jenis, saiz atau amaunnya, tidaklah praktik untuk memindahkan apa-apa barangan atau vesel yang disita di bawah peraturan ini, Pegawai Navigasi Jalan Air Pedalaman yang menyita itu hendaklah dengan apa-apa cara menyelak barangan dalam vesel itu atau apa-apa cara yang sesuai untuk penyitaan.

(5) Mana-mana orang yang tanpa kuasa yang sah memecahkan, mengganggu atau merosakkan lak yang disebut dalam subperaturan (4) atau memindahkan apa-apa barangan yang dilak atau cuba berbuat demikian adalah melakukan suatu kesalahan.

Pelucuthakkan

45. Semua barangan atau vesel yang disita di bawah Peraturan-Peraturan ini boleh dilucuthakkan.

Pelucuthakkan jika ada pendakwaan

46. (1) Jika ada pendakwaan yang melibatkan apa-apa barangan atau vesel yang disita di bawah Peraturan-Peraturan ini, maka pelucuthakan atau pelepasan mana-mana barangan atau vesel sedemikian hanya boleh dibuat mengikut perintah Mahkamah yang dihadapannya pendakwaan itu telah diadakan.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), jika dibuktikan sehingga Mahkamah berpuas hati bahawa—

- (a) suatu kesalahan terhadap mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan ini telah dilakukan; dan
- (b) mana-mana barangan atau vesel ialah hal perkara bagi atau telah digunakan dalam melakukan kesalahan itu,

Mahkamah hendaklah melucuthakkan dokumen, barangan atau vesel itu walaupun tiada seorang pun telah disabitkan atas kesalahan itu.

(3) Semua barangan atau vesel yang dilucuthakkan di bawah Peraturan-Peraturan ini hendaklah diserahkan dan dilupuskan mengikut arahan Pengarah.

Pelucuthakkan jika tiada pendakwaan

47. (1) Jika tiada pendakwaan yang melibatkan apa-apa barangan atau vesel yang telah disita di bawah Peraturan-Peraturan ini, maka barangan atau vesel itu hendaklah diambil dan disifatkan telah terlucuthak apabila tamat tempoh satu bulan kalendar dari tarikh penyitaannya melainkan jika suatu tuntutan telah dibuat baginya sebelum tamat tempoh itu.

(2) Mana-mana pemilik atau Master vesel yang mengatakan bahawa dia adalah pemunya apa-apa barangan atau vesel yang disita di bawah peraturan ini dan bahawa barangan atau vesel itu tidak boleh dilucuthakkan boleh, memberikan notis bertulis kepada Pengarah bahawa pemilik atau Master menuntut barangan atau vesel yang disita itu.

(3) Apabila notis di terima bawah subperaturan (2), Pengarah boleh mengarahkan supaya barangan atau vesel itu dilepaskan atau supaya perkara itu dirujukkan kepada seorang Majistret.

(4) Majistret yang kepadanya rujukan dibuat di bawah subperaturan (3) hendaklah mengeluarkan saman menghendaki—

- (a) orang yang menuntut bahawa dia adalah pemilik atau Master barangan atau vesel yang disita; dan
- (b) orang yang daripadanya barangan atau vesel itu disita,

hadir di hadapannya pada hari yang ditetapkan dalam saman itu.

(5) Pada hari yang ditetapkan di bawah subperaturan (4), dan setelah dibuktikan bahawa saman telah disampaikan dengan sewajarnya kepada setiap orang yang disebut dalam subperaturan 4(a) dan 4(b), Majistret hendaklah terus memeriksa perkara itu, walaupun mana-mana orang itu tidak hadir.

(6) Jika, setelah selesai pemeriksaan yang dibuat di bawah subperaturan (5) berkenaan dengan sesuatu barangan atau vesel itu, Majistret berpuas hati bahawa—

- (a) suatu kesalahan terhadap mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan ini telah dilakukan; dan
- (b) barangan atau vesel itu ialah hal perkara bagi atau telah digunakan dalam melakukan kesalahan itu,

Majistret itu hendaklah memerintahkan pelucuthakan barangan atau vesel itu; tetapi jika Majistret tidak berpuas hati sedemikian, dia hendaklah memerintahkan supaya barangan atau vesel itu dilepaskan dan diserahkan kepada orang yang pada pendapatnya berhak kepada barangan atau vesel itu.

Tiada kos atau ganti rugi berbangkit daripada penyitaan

48. Tiada pemilik atau Master vesel boleh, dalam apa-apa prosiding di hadapan mana-mana mahkamah berkenaan dengan penyitaan apa-apa barangan atau vesel yang disita pada menjalankan atau yang berupa sebagai menjalankan apa-apa kuasa yang diberikan di bawah Peraturan-Peraturan ini, berhak kepada kos prosiding itu atau kepada apa-apa ganti rugi atau relief lain melainkan jika penyitaan itu dibuat tanpa sebab yang munasabah.

Kuasa mengalih dan melupus

49. (1) Pegawai Navigasi Jalan Air Pedalaman boleh mengeluarkan notis bertulis mengarahkan mana-mana pemilik atau Master vesel yang ditinggalkan atau dibuang di jalan air pedalaman untuk mengalihkannya atau mengambil semula vesel tersebut.

(2) Apabila terdapat kegagalan, keengganan atau pengabaian oleh pemilik atau Master vesel yang telah diberikan notis bertulis di bawah subperaturan (1), Pegawai Navigasi Jalan Air Pedalaman boleh mengalihkan vesel yang ditinggalkan atau dibuang dan mendapatkan semula kos atau perbelanjaan yang ditanggung daripada pemilik atau Master vesel tersebut.

(3) Mana-mana vesel yang dialihkan oleh Pegawai Navigasi Jalan Air Pedalaman di bawah subperaturan (2), akan menjadi milik Lembaga yang berhak untuk melupuskannya atau melaksanakan apa-apa tindakan yang difikirkan wajar oleh Pengarah.

BAHAGIAN XI

AM

Pendakwaan

